

SUKAN 8TH IMT-GT VARSITY CARNIVAL

Kontinjen KUKUM buat pertama kalinya telah menyertai sukan 8TH IMT-GT Varsity Carnival di mana Universiti Sains Malaysia telah menjadi tuan rumah. Karnival ini telah berlangsung dari 20 hingga 27 Ogos 2005 yang disertai oleh Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM), Prince of Songkla University (PSU), Thailand Thaksin University Thailand (TSU), Universitas Sumatera Utara Indonesia (USU), Universitas Negeri Medan Indonesia (UNIMED), Institut Teknologi Medan Indonesia (ITM) dan KUKUM sendiri.

Kontinjen KUKUM adalah seramai 43 peserta iaitu bagi acara Bola Sepak, Bola Tampar Lelaki, Bola Tampar Wanita dan Badminton Lelaki. Pada hari pertama, bermula jam 8:30 malam di Dewan Tuanku Syed Putra telah diadakan upacara 'Opening Ceremony'. Program ini turut dihiasi dengan persembahan tradisional dari setiap Universiti yang mengambil bahagian.

Pada hari kedua kejohanan, telah bermula beberapa acara. Bola tampar wanita adalah acara yang melibatkan KUKUM dimana pasukan wanita KUKUM tewas bagi kedua-dua perlawanan kumpulan dengan PSU dan USU. Bagaimanapun pasukan KUKUM bangkit pada keesokannya dengan menewaskan TSU 3-0. Dalam acara bola tampar lelaki pula, pasukan KUKUM menunjukkan bahawa walaupun baru, KUKUM adalah setanding dengan menewaskan PSU 3-0 sebelum kalah kepada pasukan USM. Bagi acara bola sepak lelaki pula, pasukan KUKUM telah tewas di peringkat kumpulan yang terdiri daripada pasukan USM, UUM dan UNIMED. Dalam acara badminton lelaki, pasukan KUKUM tewas bagi kedua-dua perlawanan iaitu 3-0 dengan USM dan 2-1 dengan UiTM.

Satu aktiviti iaitu Programme For The State Dinner berlangsung di Dewan Budaya USM pada hari kelima kejohanan. Program ini dihadiri oleh semua wakil-wakil universiti yang bertanding dan juga diadakan sesi pertukaran cenderahati oleh semua Universiti yang bertanding. Pada 26 Ogos 2005 telah berlangsung upacara penutup yang diadakan di Dewan Tuanku Syed Putra dengan penuh gemilang.

Walaupun Kontinjen KUKUM tidak memenangi sebarang pingat, ini merupakan kali pertama pasukan dari Kontinjen KUKUM bertanding dengan Universiti-Universiti Luar dan banyak pengalaman dan boleh dipelajari daripada kejohanan ini. Sehubungan dengan itu, untuk memantapkan lagi pasukan KUKUM banyak latihan yang harus dijalankan serta di pantau oleh jurulatih yang berkelayakan atau mereka-mereka yang berpengalaman demi meletakkan KUKUM setanding dengan IPT lain di dalam bidang sukan.

Disediakan Oleh:

Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

Info Sukan



Pasukan Bola Tampar Lelaki KUKUM dengan Pasukan PSU dari Thailand.



Pasukan Bola Tampar Wanita KUKUM sedang bertarung dengan Pasukan PSU dari Thailand.



Maskot-maskot yang mewakili universiti yang memeriahkan lagi kejohanan. KUKUM Northern Lion dapat dilihat di hujung sebelah kiri.